

Redah banjir lawat penduduk

Kesengsaraan mangsa banjir di Batu Pahat terubat dengan kunjungan TPM

**KAMARUL HALIM M
KAMAL**

BATU PAHAT – Nasib yang menimpa penduduk yang terjejas akibat banjir di sini terubat, apabila mendapat perhatian Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Muhyiddin yang datang melawat sanggup mengharung bah kira-kira 500 meter untuk melihat situasi sebenar menimpa rumah-rumah yang dinaiki air, di Kampung Parit Yusof, Parit Sulong, di sini.

Beliau tiba kira-kira jam 4 petang dan menghabiskan masa 45 minit bersama penduduk kampung berkenaan.

Muhyiddin kemudiannya turut menyalurkan RM500 wang ihsan dan barangan makanan kepada 34 keluarga

yang ditempatkan di pusat pemindahan banjir Dewan Raya Parit Yusof.

Kelmarin, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar mencemar duli melawat penduduk yang menjadi mangsa banjir di sekitar Sri Gading, Sungai Suloh dan Parit Sulong.

Di lokasi berasingan yang turut terjejas, 58 keluarga yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Seri Comel turut mendapat sumbangan sama.

Penduduk turut berpeluang mendengar taklimat daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sri Medan, Datuk Ahmad Zahri Jamil.

Hadir sama merasai kesengsaraan mangsa banjir ini ialah Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Noraini

Ahmad; Exco Kerajaan Negeri, Dr Robia Kosai dan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Parit Sulong, Datuk Zulkurnain Kamisan

Sementara itu, salah seorang penduduk, Siti Maimunah Amin, 73, teruja menerima kunjungan orang nombor dua negara ke rumahnya, dan menganggap ianya satu kejutan bermakna.

Katanya, inilah kali pertama menerima kunjungan berkenaan dan dengan kunjungan itu sedikit sebanyak mengubat hati penduduk di kampung terbabit yang lebih seminggu mengharung banjir.

“Makcik tidak menyangka beliau akan turun untuk melihat sendiri kami di sini, kami rasa sungguh bertuah,” katanya ketika ditemui di kediamannya.



Muhyiddin berjalan kira-kira 500 meter melawat mangsa banjir, di Kampung Parit Yusof, Parit Sulong, semalam.